

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-15

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA)
TARIKH : 13 FEBRUARI 2025
NO. SOALAN : No. 73 PR-1541-L28101

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang]
minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**
menyatakan langkah tambahan yang akan diambil untuk memastikan
pelaburan asing terus meningkat pada tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada YB Tanjong Karang di atas soalan yang dikemukakan. Saya juga mengambil peluang ini untuk menjawab soalan YB Rantau Panjang yang hampir sama berkenaan langkah bagi meningkatkan pelaburan asing.
2. Kerajaan MADANI melalui **Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)** dan **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)** sentiasa mengambil langkah-langkah yang **proaktif** dalam memastikan pelaburan domestik dan pelaburan asing **terus meningkat** bagi tahun 2025.
3. Dalam usaha meningkatkan kemasukan pelaburan asing, Kerajaan MADANI memberi fokus dalam membuat anjakan paradigma yang tidak lagi tertumpu kepada konsep, dengan izin “***made in Malaysia***”, tetapi lebih mementingkan paradigma baharu iaitu, dengan izin “***made by Malaysia***”. Dari perspektif MITI, usaha ini turut tertumpu kepada aspirasi untuk membangunkan, dengan izin “***local champion***”.
4. Dalam **memperbaiki iklim pelaburan** dan memastikan **pertumbuhan pelaburan asing**, terutamanya pelaburan yang berkualiti, bernilai tinggi dan berteknologi tinggi, antara usaha yang dijalankan oleh Kerajaan melalui MITI dan MIDA termasuklah:
 - i. Mengambil **pendekatan reformasi** terhadap mekanisme **pemberian insentif cukai**. Sebagaimana yang telah diumumkan di dalam Belanjawan 2025, Kerajaan akan

memperkenalkan **Kerangka Insentif Pelaburan Baharu (New Investment Incentive Framework - NIIF)** yang akan dilaksanakan mulai **suku ketiga 2025**. Berbanding amalan atau mekanisme sedia ada yang menawarkan insentif pelaburan berteraskan/berasaskan produk atau aktiviti tertentu, NIIF merupakan penambahbaikan dengan memberi tumpuan kepada **aktiviti bernilai tinggi** dan **kesan limpahan ekonomi** bagi cadangan pelaburan yang dikemukakan;

- ii. Melaksanakan **pelbagai strategi dan inisiatif** pembangunan pelaburan selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu (**New Industrial Master Plan - NIMP**) **2030**. Berpandukan dasar-dasar negara ini, Kerajaan **mengutamakan pelaburan berkualiti** yang meningkatkan **kompleksiti ekonomi**; mewujudkan peluang **pekerjaan bernilai tinggi** untuk rakyat; memperluaskan **rangkaian domestik**; membangunkan **kluster ekonomi baharu** dan **memperkuuh** yang sedia ada; mempertingkatkan **keterangkuman** dan **inklusiviti**; serta **menyokong agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (Environmental, Social and Governance - ESG)**; dan
- iii. Memanfaatkan peranan Malaysia selaku **Pengerusi ASEAN pada tahun 2025**. Peluang ini dapat **memperkuuh kerjasama ekonomi serantau** dengan memastikan ASEAN terus menjadi platform yang **berimpak tinggi** serta **mempromosi ekosistem pelaburan** Malaysia sebagai **destinasi pelaburan terpilih di rantau ini**, yang sekaligus menggalakkan pelaburan asing, termasuk **memperkuuh ekosistem rantaian bekalan dari kalangan negara anggota ASEAN**.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan sentiasa **komited** dan **proaktif** dalam menggandakan usaha **merangka strategi dan inisiatif baharu** untuk meningkatkan keyakinan pelabur serta memperkuuh daya saing dan kedudukan negara **peringkat global**, sekali gus memastikan negara terus menjadi **destinasi pilihan para pelabur**.

Terima kasih.